

Pengetahuan Terhadap Disleksia dalam Kalangan Ibu Bapa di sebuah Sekolah Rendah (Primary School Parents Knowledge on Dyslexia)

Suzita binti Samsudin

Fakulti Pendidikan

Universiti Kebangsaan Malaysia

Email: p93806@siswa.ukm.edu.my

Aliza binti Alias

Fakulti Pendidikan

Universiti Kebangsaan Malaysia

Email: alizapendidikan@gmail.com

Abstrak

Pada masa kini, semakin ramai kanak-kanak yang menghadapi masalah dalam pembelajaran spesifik iaitu disleksia. Namun begitu, tidak ramai ibu bapa yang menyedari masalah ini dihadapi oleh anak mereka kerana kanak-kanak disleksia mempunyai kecerdasan hampir sama dengan kanak-kanak normal yang lain. Dalam kajian ini, analisis statistik deskriptif dijalankan untuk menganalisis data untuk mengukur dan menerangkan data berbentuk kuantitatif. Data yang telah dianalisis diperjelaskan dalam bentuk kekerapan, peratusan, skor min dan sisihan piawai. Penilaian bagi tahap skor min dalam kajian ini berkaitan objektif utama iaitu pengetahuan ibu bapa terhadap disleksia. Dapatkan kajian menunjukkan min adalah 1.12 dan 37.2 % responden tidak mempunyai pengetahuan terhadap disleksia berada pada tahap lemah. Ini adalah kerana ibu bapa tidak mendapat maklumat yang mencukupi tentang disleksia dan ciri-cirinya. Kesimpulannya, kajian menunjukkan bahawa pengetahuan ibu bapa terhadap disleksia merupakan isu yang sewajarnya diberi perhatian agar disleksia dapat dihindari daripada terjadi kepada kanak-kanak serta membantu kanak-kanak meningkatkan kemahiran belajar kerana kanak-kanak yang tergolong dalam masalah pembelajaran spesifik tidak mampu memberikan perhatian dalam jangka masa panjang terhadap sesuatu perkara. Tahap pengetahuan ibu bapa boleh ditingkatkan melalui ujian awal pengesahan disleksia serta keprihatinan ibu bapa meluangkan masa bersama anak-anak semasa belajar.

Article Progress
Received: 31 March 2021
Revised: 14 April 2021
Accepted: 28 April 2021

Kata kunci: Disleksia, Ibu bapa, Pengetahuan

Abstract

Nowadays, an increasing number of children are experiencing difficulties with basic literacy, particularly dyslexia. Since dyslexic children have about the same intelligence as most average children, many parents are unaware of their child's dyslexia problem. In this study, descriptive statistical analysis was used to interpret the data in order to determine and describe the quantitatively formed data. The results of the analysis are presented in the form of frequency, percentage, mean score, and standard deviation. The determination of the mean score level in this analysis is linked to the key goal of parental dyslexia awareness. The study's results revealed that the mean was 1.12, and 37.2 percent of respondents had a poor understanding of dyslexia. This is because parents did not receive adequate knowledge about dyslexia and its indications. In conclusion, the results indicate that parents' knowledge of dyslexia is a major issue that can be taken into account so that dyslexia can be prevented in children and children can develop their learning skills because children with specific learning disabilities are unable to pay attention for a long time. The level of awareness among parents can be enhanced by early diagnosis of dyslexia as well as parental interest for spending time with their children while they learning.

Keywords: Dyslexia, Parents, Knowledge

1. PENGENALAN

Kanak-kanak yang mempunyai ciri-ciri disleksia tidak disedari oleh ibu bapa kerana kurangnya pengetahuan ibu bapa tentang isu ini. Di Malaysia, kempen kesedaran tentang ciri-ciri disleksia masih kurang di jalankan. Kebanyakan maklumat mengenai disleksia diperolehi daripada laman web yang dimuat turun oleh penganjur-penganjur program kesedaran disleksia. Bahan bacaan tentang ciri-ciri disleksia juga sukar diperolehi menyebabkan ramai ibu bapa yang terlepas pandang atau langsung tidak menyedari wujudnya ciri-ciridisleksia pada anak-anak mereka. Kajian-kajian mengenai disleksia telah ada sejak sekian lama terutamanya kajian di luar negara. Kajian mengenai disleksia banyak memfokuskan kepada golongan guru dan pengidap disleksia itu sendiri, namun kajian dalam konteks ibu bapa kanak-kanak disleksia masih kurang di Malaysia (Tg. Iffah, 2015). Walau bagaimanapun, disleksia mula diberi perhatian di Malaysia setelah kerajaan Malaysia menggubal semula Akta Pendidikan 1961 kepada Akta Pendidikan 1996. Ia menyediakan klausa khusus berkaitan pendidikan Khas yang menyatakan hak kesamarataan dalam mendapat pendidikan di institusi (Rohaty & Shafie, 2010).

1.1 Ciri-ciri disleksia

Disleksia adalah suatu masalah pembelajaran khusus yang kerap berlaku. Kanak-kanak disleksia mempunyai masalah menguasai tugasan sekolah walaupun mereka telah berusaha bersungguh-sungguh. Kanak-kanak disleksia mempunyai keupayaan intelek yang normal. Mereka telah mendapat ransangan dan pembelajaran yang mencukupi namun masalah asasnya adalah perbezaan cara otak berfungsi dalam menghubungkan simbol visual dengan bunyi. Kanak-kanak disleksia menghadapi kesukaran semasa memasang butang baju atau mengikat tali kasut,tersalah memakai kasut, cuai di dalam pergerakan dan mudah jatuh. Kanak-kanak disleksia juga menghadapi masalah untuk melompat (*hop & skip*), menghadapi masalah untuk menangkap, membaling dan menendang bola, menghadapi kesukaran untuk memahami arahan seperti atas atau bawah, dalam atau luar, depan atau belakang. Mereka juga sukar untuk mengikut arahan yang panjang pada suatu masa, keliru dengan konsep masa seperti ‘semalam’, ‘ hari ini’ , dan ‘esok’, kesukaran dalam memahami, mengingati dan mengikuti sesuatu arahan,sentiasa tersalah letak atau kehilangan barang dan kerja sekolah (Tg. Iffah, 2015).

Apabila memasuki alam persekolahan pula, kanak-kanak mungkin menghadapi lambat pertuturan, mengalami kesukaran sebutan atau rima, sukar menulis nama sendiri, keliru mengenal bentuk atau warna, sukar memberitahu cerita yang telah didengarinya, gagal menguasai tugasan sekolah seperti membaca, menulis,mengeja atau mengira, tidak suka

membaca dan mengelak dari membaca di dalam kelas, kesilapan semasa membaca huruf, perkataan atau nombor. Tulisan tangan yang tidak kemas. Kebiasaan kanak-kanak disleksia akan tertukar nombor contohnya 15 dengan 51 (Snowling, 2014). Mereka juga akan membaca perkataan terbalik, contoh seperti ‘batu’ menjadi ‘tuba’, ‘gula’ menjadi ‘lagu’. Tidak boleh menyalin daripada papan putih atau papan hitam. Dari aspek pertuturan pula, kanak-kanak disleksia menyebut frasa ayat tunggang langgang seperti “padah sawi” untuk sawah padi. Sukar menyebut perkataan yang mempunyai banyak suku kata seperti “hospital”, stesen, menyanyi, menggoncang dan sebagainya lagi. Sukar menamakan objek, keliru antara kiri dan kanan, bahagian anggota tangan yang dominan tidak dapat dikenal pasti kerana menggunakan konsentrasi dan tenaga yang tinggi tetapi membawa hasil yang sedikit (Tg.Iffah, 2015). Oleh kerana menghadapi masalah- masalah tersebut, kanak-kanak mungkin akan mengelat sewaktu di dalam kelas.

Dianggarkan 4 hingga 8 % pelajar sekolah berhadapan dengan kesukaran belajar atau disleksia. Kebanyakan kanak-kanak lelaki lebih ramai bermasalah disleksia berbanding perempuan (Hallgren, 2013).

1.2 Pengetahuan ibu bapa

Kefahaman manusia terhadap sesuatu perkara merupakan pengetahuan yang sistematik dan diusahakan secara sedar. Pengetahuan yang baik adalah untuk dimanfaatkan demi kebaikan manusia terutamanya terhadap kanak-kanak yang mengalami ketidakupayaan pembelajaran spesifik seperti disleksia. Pengetahuan yang sedikit menyebabkan ibu bapa tidak mengetahui ciri-ciri disleksia dan berasa keliru sertatidak pasti tindakan yang sewajarnya perlu diambil (Skiada et al. 2014). Amat sedikit dikalangan mereka yang mendapatkan pandangan doktor di klinik kesihatan untuk mendapatkan penilaian dan seterusnya membawa anak mereka berjumpa dengan pakarperkembangan kanak-kanak. Akibatnya, anak dibiarkan menangani masalahnya tanpa bantuan khusus (Sheila, 2010). Sesetengah ibu bapa mempunyai pengetahuan dan maklumat yang tidak mencukupi mengenai disleksia sehingga menyebabkan kelewatan dalam penilaian dan intervensi kanak-kanak dengan disleksia mempunyai skor akademik yang rendah dan emosi yang tidak stabil, dan sering merasa rendah diri kerana ketidaksedaran ibu bapa (Huang, 2020). Kajian menunjukkan tentang sikap ibu bapa, kepercayaan, dan pemikiran yang positif mampu mengubah kekurangan yang dialami anak dalam masalah disleksia. Perubahan ini menekankan sifat interaksi dua hala, dengan kanak-kanak yang mempengaruhi ibu bapa dan ibu bapa yang mempengaruhi kanak-kanak (Grusec, 2014).

Pengetahuan ibu bapa tentang aspek tingkah laku anak pula merujuk kepada ibubapa yang menyedari dan memahami tentang tabiat, sikap, hobi dan kemahuan anak mereka. Hubungan di antara ibu bapa dan anak membawa kepada keeratan dan kebersamaan, saling mempercayai antara ibu bapa dengan anak serta pengetahuan yang lebih baik ibu bapa terhadap tingkah laku, sifat dan sikap anak (Chua, 2014). Kanak-kanak disleksia seringkali disalah erti oleh ibu bapa. Mereka dilihat seolah-olah pasrah dengan takdir bahawa anak mereka dilahirkan sebagai manusia yang kurang bernasib baik dalam pelajaran dan sering menyusahkan orang di sekitarnya. Terdapat segelintir ibu bapa mengatakan bahawa ciri-ciri disleksia yang dihadapi oleh anak mereka adalah musibah yang diperturunkan kepada mereka sehingga mendapat anak yang lebam otaknya (Zaliza, 2014).

Kajian Isa et al. (2013) mendapati bahawa kualiti hidup dan kefungsian keluarga berkurangan jika ibu bapa mempunyai anak yang mengalami ketidakupayaan dalam pembelajaran. Seperti mana yang dinyatakan oleh Ogston et al. (2011) ibu bapa yang mempunyai perancangan yang baik dan berjaya memenuhi harapan mereka, membawaikan prinsip hidup yang lebih tinggi dan kurang menghabiskan masa untuk berasa bimbang. Hasil kajian ini memberikan sokongan yang signifikan mengenai peranan sebagai motivasi dalaman dan mengurangkan tekanan psikologi dalam kalangan ibu bapa yang membesarakan kanak-kanak disleksia (Shenaar, 2016). Ibu bapa yang sejahtera dari segi emosi dan rohani dapat membesarakan kanak-kanak disleksia dengan lebih baik sebagaimana Fuentes (2012) turut mengaitkan kepuasan hidup ibu bapa yang tinggi dengan penjagaan anak-anak yang lebih baik.

Kanammah (2013) menyatakan bahawa pembelajaran kanak-kanak disleksia di sekolah dipengaruhi oleh kesedaran dan peranan ibubapa seperti memeriksa kerja sekolah serta memberi kata-kata semangat dan nasihat. Ibu bapa sebagai insan yang penting dalam kehidupan anak-anak seharusnya lebih banyak meluangkan masabersama dengan mereka supaya dapat menyusun atur pembelajaran mereka. Ibu bapa yang prihatin yang mengutamakan anak-anak menyedari kepentingan pembelajaran dalam membantu proses perkembangan kanak-kanak akan secara langsung melibatkan diri dalam pembelajaran anak-anak mereka (Azza, 2017). Kesedaran ibu bapa terhadap disleksia boleh dikesan melalui kelewatan memproses maklumat yang kanak-kanak terima. Amatlah penting untuk ibu bapa menyedari tanda-tanda disleksia pada anak mereka. Ibu bapa harus mengetahui ciri-ciri dan kesan disleksia ini adalah kerana ibu bapa dapat sama-sama membantu menyediakan bahan pembelajaran untuk anak-anak mereka di rumah dan ini akan memberi kesedaran kepada ibu bapa bahawa sokongan dan perhatian untuk kanak-kanak disleksia adalah sesuatu yang penting.

Kanak-kanak disleksia memerlukan ibu bapa yang prihatin yang sentiasa mengambil berat dan memberikan mereka semangat dan dorongan supaya mereka dapat meneruskan kelangsungan hidup seperti orang lain. Ibu bapa yang mendapat kesedaran mengenai disleksia akan mencari penyelesaian untuk membantu anak-anak mereka mengatasi disleksia seperti mulakan seawal usia prasekolah. Ia termasuk pembangunan visual ruang fungsi, ingatan, perhatian, aktiviti sintetik dan kemahiran motor halus. Ibu bapa yang mempunyai ilmu tentang disleksia juga boleh menguruskan emosi anak-anak yang menghadapi disleksia dengan baik. Fungsi keluarga sangat penting dalam menyokong anak-anak disleksia. Ibu bapa menunjukkan sokongan dan kesedaran yang mendalam tentang disleksia mengurangkan rasa kecewa mereka serta dapat mengubah perasaan kanak-kanak menjadi lebih gembira seperti kanak-kanak tipikal yang lain. (Copple & Bredekamp, 2011).

2. PERMASALAHAN KAJIAN

Menurut Zaliza (2014), kesedaran ibu bapa terhadap disleksia tidak begitu tinggi kerana kurangnya pengetahuan mengenainya. Contoh ciri-ciri disleksia yang terdapat pada kanak-kanak yang berbeza dengan kanak-kanak tipikal yang lain ialah seperti tidak dapat menguasai kemahiran membaca, menulis dan mengira pada usia tujuh tahun, mereka berkemungkinan mempunyai ciri disleksia. Ini kerana kanak-kanak disleksia tidak dapat dikesan ketika berkomunikasi mahupun perbezaan dari segi bentuk fizikal. Kanak-kanak disleksia bertutur sama seperti kanak-kanak tipikal yang lain (Yanhong Huang, 2020).

Pada masa kini, banyak kajian mengenai disleksia yang hanya memfokuskan kepada golongan guru dan kanak-kanak disleksia itu sendiri, namun kajian mengenai pengetahuan ibu bapa terhadap disleksia didapati masih kurang (Tg Iffah, 2015). Hakikatnya, kanak-kanak lebih banyak menghabiskan masa di rumah bersama dengan ibu bapa berbanding di sekolah. Pengetahuan ibu bapa terhadap disleksia mestilah diberi perhatian. Jika ibu bapa tiada pengetahuan yang jelas tentang disleksia, sukar untuk ibu bapa bertindak membantu anak-anak. Soeisniwati (2012) menyatakan ibu bapa sering menganggap anak-anak yang sedang bersekolah tetapi belum boleh membaca dan menulis merupakan ukuran ketidakmampuan mereka. Anak yang sudah bersekolah tetapi belum lancar membaca dianggap tidak pandai (Woodcock, 2020).

Begitu juga dalam kajian Fernández Alcántara et al. (2017), ibu bapa merasa tidak berdaya dan menganggap diri mereka lemah kerana tidak tahu cara bagaimana untuk menolong anak mereka ketika anak mereka menghadapi kesukaran dalam pembelajaran. Menurut Abraham (2010) nilai harga diri dan hubungan sosial kanak-kanak adalah bersangkutan dengan

keupayaan pembelajaran yang khusus. Keputusan kajian menunjukkan bahawa majoriti kanak-kanak berasa tertekan kerana ibu bapa mereka selalu membandingkan dengan adik-beradik dan rakan sekelas mereka. Kajian tersebut menunjukkan kurangnya kesedaran dan pengetahuan ibu bapa terhadap disleksia.

3. OBJEKTIF

Secara khususnya objektif kajian ini adalah seperti berikut:

- i. Mengenal pasti pengetahuan ibu bapa terhadap ciri-ciri disleksia.

4. METODOLOGI

Kajian ini adalah berbentuk deskriptif dengan menggunakan kaedah tinjauan. Reka bentuk ini digunakan untuk mengenal pasti pengetahuan ibu bapa terhadap disleksia. Reka bentuk ini digunakan kerana difikirkan paling sesuai untuk mendapat maklumat data daripada sampel dalam populasi yang besar jumlahnya. Menurut Mohd Majid Konting, kaedah tinjauan adalah sesuai digunakan dalam penyelidikan yang bermatlamat untuk menerangkan sesuatu fenomena yang sedang berlaku.

Cara yang digunakan dalam memungut data melalui kaedah ini ialah dengan menggunakan soal selidik yang dijana di aplikasi google form sebagai mengantikan borang soal selidik. Cara ini diambil kerana pengkaji menghadapi kesukaran untuk berjumpa dengan responden secara berdepan akibat situasi di dalam negara disebabkan oleh pandemik Covid-19. Pengkaji membina soalan di dalam aplikasi digital google form,kemudian disebarluaskan dengan cara memilih responden secara rawak dan menghubungi mereka. Responden menjawab semua soalan di dalam *Google Form*. Sesuatu jumlah sampel yang dipilih hendaklah tidak akan menyebabkan berlakunya ralat persampelan (Kamarul, 2015). Pengkaji telah mencadangkan sampel kajian melibatkan seramai 30 orang ibu bapa yang mempunyai anak berumur 7 tahun di sebuah sekolah rendah di Putrajaya.Sekolah tersebut merupakan sekolah gred A kategori bandar. Peratusan ibu yang menjawab soal selidik ialah seramai 65% manakala 35% adalah bapa. Umur responden adalah dalam lingkungan 25-50 tahun. Teknik persampelan rawak mudah di guna pakai dalam pemilihan sampel kajian. Hal ini berdasarkan pandangan Seema (2018) yang menjelaskan bahawa teknik persampelan rawak mudah amat berguna kerana setiap individu dalam populasi mempunyai peluang yang sama untuk dipilih.

5. DAPATAN KAJIAN

Jadual 1.0: Nilai min Pengetahuan Ibu bapa terhadap ciri-ciri dileksia

No	Pengetahuan Ibu Bapa Terhadap Ciri- Ciri Disleksia	N	Mean	Peratusan (%)	Sisihan	Aras
					Piawai	Persetujuan
1	Kanak-kanak disleksia tidak ada masalah untuk membaca dan menulis dalam jawi	150	1.27	42.3	0.542	Tidak
2	Kanak-kanak disleksia tidak lancar membaca serta daya tumpuan yang lemah	150	0.80	26.7	0.517	Ya
3	Kanak-kanak disleksia lebih lambat menulis berbanding dengan rakan sebaya	150	0.95	31.7	0.590	Ya
4	Kanak-kanak disleksia keliru antara huruf yang hampir sama atau keliru dengan nombor yang sama bentuk	150	1.01	33.7	0.533	Ya
5	Kanak-kanak disleksia kesukaran bertutur atau memilih perkataan yang sesuai semasa bercakap bagi menyampaikan maksudnya	150	1.22	40.7	0.516	Tidak
6	Kanak-kanak disleksia sering berhadapan dengan bentuk emosi yang tidak menentu	150	1.23	41.0	0.533	Tidak
7	Kanak-kanak disleksia sukar memahami arahan panjang	150	1.11	37.0	0.404	Tidak
8	Kanak-kanak disleksia mudah letih disebabkan konsentrasi yang amat mendalam	150	1.16	38.7	0.419	Tidak
9	Kanak-kanak disleksia meramal perkataan tanpa mengira ianya bermakna atau tidak	150	1.09	36.3	0.305	Tidak
10	Kanak-kanak disleksia suka mendengar bacaan tetapi tidak berminat membaca sendiri	150	1.09	36.3	0.354	Tidak
11	Kanak-kanak disleksia putus asa kerana gagal memahami pengajaran	150	1.02	34.0	0.140	Tidak
12	Kanak-kanak disleksia mengelak daripada membuat kerja rumah	150	1.17	39.0	0.484	Tidak
13	Kanak-kanak disleksia hilang keyakinan diri	150	1.24	41.3	0.552	Tidak

14	Kanak-kanak disleksia tidak memahami apa yang dibaca	150	1.30	43.3	0.610	Tidak
15	Kanak-kanak disleksia mengelak membaca dengan lantang	150	1.07	35.7	0.368	Tidak
Purata min			1.12	37.2	0.458	Tidak

Berdasarkan kepada Jadual 1.0, hasil dapatan kajian menunjukkan nilai min adalah sebanyak 1.12 (37.2%) responden tidak mempunyai pengetahuan mengenai disleksia. Pengetahuan ibu bapa terhadap disleksia ini merangkumi tingkah laku anak-anak terhadap perilaku disleksia, respon yang ditunjukkan anak-anak dari aspek pertuturan mereka dalam menyampaikan maklumat. Nilai minimum ditunjukkan pada item soalan nombor 2 iaitu sebanyak 0.80 min (26.7%) responden menyatakan ya bahawa kanak-kanak disleksia ini tidak lancar dari aspek membaca serta daya tumpuan yang lemah. Hal ini dapat dijelaskan bahawa, ibu bapa sedar akan disleksia ini dapat dilihat melalui cara anak-anak mereka membaca dan daya tumpuan yang lemah semasa belajar.

Kelemahan daripada aspek ini akan menjelaskan pembelajaran dan perkembangan minda anak-anak yang dihadapi mereka. Oleh itu, ibu bapa harus mengambil langkah dalam menangani masalah tersebut supaya disleksia dapat diatasi di kalangan anak-anak. Kanak-kanak disleksia dikategorikan mempunyai kepintaran yang normal iaitu mereka hanya mempunyai kesukaran sama ada dari segi membaca, menulis atau mempelajari bahasa-bahasa lain, membuat kira-kira atau mengingati sesuatu secara keseluruhan dan hanya mengingati sebahagian sahaja (Zaliza, Mahfuzah & Ahmad, 2014). Namun begitu, nilai maksimum ditunjukkan pada item soalan 14 iaitu 1.30 min (43.3%) iaitu menjelaskan bahawa ibu bapa tidak sedar akan tingkah laku kanak-kanak dalam aspek anak-anak tidak memahami apa yang dibaca. Hal ini menunjukkan bahawa, ibu bapa tidak sedar gelajadisleksia dikesan melalui penghayatan semasa anak-anak ini semasa membaca. Oleh itu, ibu bapa seharusnya peka terhadap tingkah laku anak-anak terutamanya dalam pembelajaran mereka, serta berbincang dengan guru supaya masalah disleksia dalam kalangan anak-anak dapat diatasi.

Kajian ini berteraskan kepada pengetahuan ibu bapa terhadap ciri-ciri disleksia. Antara perkara yang dibincangkan dalam kajian ini adalah pengetahuan ibu bapa terhadap ciri-ciri disleksia terhadap kesan terhadap emosi dan tingkah laku serta objektif yang telah ditentukan pada awal kajian dan dicapai dengan kaedah pengumpulan pembelajaran yang dihadapi oleh kanak-kanak disleksia. Kajian ini melibatkan serta analisis data yang telah ditetapkan dalam kajian untuk mencapai matlamat kajian yang dikaji.

Kanak-kanak disleksia mempunyai emosi negatif terhadap imej diri, hubungan dengan rakan sebaya, keluarga dan interaksi sosial. Dalam interaksi sosial, kanak-kanak disleksia kekurangan kemahiran sosial kerana mengalami tekanan emosi atau perasaan rendah diri. Mereka mempunyai banyak masalah dengan tingkah laku dan keperibadian adaptif sosial. Kegelisahan dan kemurungan pada kanak-kanak dengan disleksia juga lebih tinggi daripada pada kanak-kanak tipikal, dengan tingkah laku negatif dan peningkatan tingkah laku antisosial McArthur (2013). O'Hare, A.(2010) menyatakan kekurangan pengetahuan ibu bapa terhadap anak disleksia akan menimbulkan kegelisahan yang boleh mengganggu tumpuan anak-anak untuk membaca. Anak-anak yang tidak mempunyai kemahiran mengenal perkataan yang baik akan membaca dengan perlahan dan atau tidak tepat, yang boleh mengakibatkan pemahaman yang kurang baik. Dalam tinjauan oleh Leitão, S (2017), menyimpulkan bahawa disleksia dan kesukaran membaca adalah faktor risiko peningkatan dalaman seperti rasa cemas dan mengalami simptom kemurungan.

Hasil kajian Dahle dan Knivsberg (2014) pula membandingkan kelaziman masalah emosi dan tingkah laku pada 26 orang kanak-kanak dengan disleksia dan 26 orang rakan sebaya mereka, berumur 9–10 tahun dimana kanak-kanak dengan disleksia menunjukkan lebih gelisah dan kemurungan berbanding tingkah laku normal yang ditunjukkan oleh rakan sebaya mereka. Terdapat kajian secara khusus dalam mengkaji hubungan antara masalah kesukaran membaca dan kesihatan mental sehingga menjelaskan kesihatan mental Kanak-kanak (McArthur et. al, 2016). Ibu bapa menyedari tingkah laku dan ciri-ciri disleksia yang ditunjukkan oleh anak-anak mereka yang ditunjukkan secara terang terangan. Pendapat ini diakui juga oleh Novita, S. (2016), ibu bapa melaporkan bahawa kanak-kanak disleksia mempunyai masalah tingkah laku yang lebih tinggi daripada rakan sebaya mereka.

Disleksia telah menjadi masalah penting yang mempengaruhi kognitif, pengembangan peribadi dan perkembangan kesihatan mental kanak-kanak. Kanak-kanak disleksia mempunyai skor akademik yang rendah dan emosi yang tidak stabil serta sering berasa rendah diri kerana tiada pengetahuan dan kesedaran daripada ibu bapa. Sekiranya keadaan berlanjutan seperti ini, mereka mungkin mengalami kegelisahan dan kemurungan yang berpanjangan sehingga memberi kesan buruk kepada kesihatan fizikal dan mental mereka.

Menurut Hidayati, (2016) ciri-ciri disleksia ini dihasilkan apabila kanak-kanak ingin membaca suku kata, ada kalanya memandang huruf ‘b’ bagaikan ‘d’ dan ‘p’ umpama ‘q’, sebutan tidak difahami oleh keluarga terdekat malah tidak dikesan oleh guru di sekolah. Ibu bapa perlu memainkan peranan utama dalam mengesan kelewatan penguasaan pelajaran anak-anak mereka manakala guru boleh melaporkan perkembangan mereka dari semasa ke semasa untuk dinilai sebelum dihantar ke kelas khas dengan kaedah pembelajaran sepatutnya. Apa yang paling ketara pada kanak-kanak disleksia adalah masalah pembacaan. Kanak-kanak tipikal akan membaca secara normal, tetapi tidak bagi kanak-kanak disleksia, mereka membaca secara perlahan kerana mereka mengeja di dalam minda. Ini adalah kerana otak mereka menumpukan banyak tenaga untuk mengeja, maka aspek pembacaan yang lebih penting, iaitu kefahaman akan terjejas. Kanak-kanak disleksia dilihat seperti boleh membaca, tetapi sebenarnya tahap kefahaman mereka rendah dan apabila otak banyak menghabiskan tenaga untuk mengeja, mereka akan cepat penat dan bosan untuk membaca (Amanda Leah, 2020)

Kanak-kanak disleksia akan mula membuat benda lain seperti mengganggu kawan, atau berbuat bising untuk menarik perhatian. Oleh kerana disebabkan masalah membaca, kanak-kanak disleksia juga selalunya dilabel sebagai murid bermasalah atau nakal sedangkan mereka sebenarnya boleh dibentuk dengan cara tersendiri. Bagi kanak-kanak tipikal, otak mereka mungkin mengambil masa setengah saat untuk menutur ‘baca’ tetapi kanak-kanak disleksia mungkin memerlukan dua saat untuk menghasilkan bunyi ‘ba’ dan dua saat lagi untuk ‘ca’. Pada masa sama otak disleksia yang berjaya menghasilkan bunyi ‘ca’, mungkin sudah lupa bunyi ‘ba’ dan ini menyebabkan mereka tidak memahami apa yang dibaca. Mereka bagaikan perlu ‘berjuang’ untuk membaca dan biasanya dalam tulisan mereka, akan ada huruf yang tertinggal atau salah. Contohnya, ‘mengayuh’ jadi ‘megayuh’ dan ‘cacat’ jadi ‘cacak’.

Menurut Trevor O' Brien (2020) faktor afektif seperti harga diri dan konsep kendiri seringkali dibincangkan. kanak-kanak disleksia sering melihat diri mereka dengan cara yang negatif, mengakibatkan tahap harga diri dan konsep kendiri yang rendah.Bukti kukuh menunjukkan faktor afektif ini berkaitan dengan kanak-kanak dengan disleksia dan sering mempengaruhi kesejahteraan kanak-kanak. Dalam kajian oleh Polychroni et al. (2016), juga didapati bahawa kanak-kanak dengan disleksia menunjukkan tahap konsep kendiri yang lebih rendah dalam literasi dan numerasi berbanding dengan kanak-kanak tipikal yang tidak mempunyai disleksia.

Merujuk kepada Jadual 1.0 di atas, ciri kanak-kanak disleksia yang pertama ialah kanak-kanak disleksia tidak ada masalah untuk menulis dalam jawi. Sebanyak 42.3% ibu bapa mengatakan tidak pasti anak-anak mereka boleh membaca dan menulis jawi. Ini terjadi kerana ramai kanak-kanak tidak lancar membaca tulisan jawi kerana penekanan terhadap ejaan (Asyraf Ridwan, 2013). Secara amnya pembelajaran membaca di peringkat awal kanak-kanak merupakan satu proses yang sukar untuk dikuasai, dilaksanakan dan suatu tugas yang mencabar kerana pengajaran dan pembelajaran membaca merupakan pengajaran secara individu (Gregory A, 2013). Terdapat banyak cara untuk menarik minat kanak-kanak iaitu dengan menggunakan kaedah belajar yang pelbagai seperti kaedah pandang sebut, nyanyian, imlak, mengeja, membatang dan sebagainya (Naquiah Nahar, 2016).

6. KESIMPULAN

Pengetahuan ibu bapa terhadap disleksia adalah penting kerana ibu bapa boleh memahami sekiranya anak mereka mengalami kelewatan dalam proses pembelajaran dan kesukaran dalam menguruskan diri sendiri seperti kanak-kanak tipikal yang lain. Ilmu pengetahuan yang cukup dapat mendorong ibu bapa mencari penyelesaian untuk anak mereka sehingga pulih sehingga menemui jalan untuk mengatasi masalah. Ibu bapa tidak perlu bimbang kerana disleksia bukanlah sejenis penyakit bersifat patologi tetapi suatu kecelaruan dalam menguasai kemahiran membaca, menulis dan mengeja.Ia bukan sahaja berlaku di peringkat kanak-kanak, malah di peringkat menengah. Sekiranya tidak diberi rawatan serta bimbingan awal, boleh meninggalkan kesan buruk pada peringkat dewasa kelak. Masalah ini juga boleh memberikan tekanan perasaan yang tidak kurang hebat kepada kanak-kanak yang mengalaminya. Oleh itu, peranan daripada ibu bapa serta masyarakat mengambil langkah proaktif dalam menyelesaikan isu ini perlu diambil perhatian. Tanggapan mengatakan komuniti ini tidak dapat diubati haruslah di tepsisama sekali. Semua pihak harus berganding bahu bagi menyelesaikan masalah ini supaya

masalah disleksia ini tidak berlarutan kepada kanak-kanak serta menjejaskan perkembangan minda anak-anak mereka untuk masa depan yang lebih cerah.

RUJUKAN

- Alison,E.2013. Parental experiences of support for pupils with dyslexia: Ignoring the effecton parents. 28(1): 35-40.
- Amanda,L.2012. Understanding Classroom Teachers Knowledge and Practices for Teaching Reading to Students at Risk for Dyslesia. Drury University.
- Amin Kasbin & Zawawi Zahari. 2010. Kaedah Peperiksaan bagi Murid-murid Berkeperluan Khas Masalah Pembelajaran (BKBP). *Jurnal Pendidikan Malaysia*,35(1):27-33.
- Angelelli, P., Marinelli, C. V., Iaia, M., Putzolu, A., Gasperini, F., Brizzolara, D., & Chilosi, A. M..2016. *Spelling Impairments in Italian Dyslexic Children with and without a History of Early Language Delay. Are There Any Differences?* Frontiersin Psychology, 7. Volume 17.
- Anne Elisabeth Dahle, Ann-Mari Knivsberg & Anne Brit Andreassen.2011. Coexisting problem behaviour in severe dyslexiajrs3_1190 162.170. University of Stavanger, Norway. *Journal of Research in Special Educational Needs* · Volume 11(3)162–170.
- Athira Amira Abd Rauf, Maizatul Akmar Ismail, Vimala Balakrishnan, Loh SauCheong, Novia Indriaty Admodisastro & Khalid Haruna. 2020. Analysis of Supportfor Parents in Raising Children with Dyslexia.*Journal of Family Issues*, vol. 42 (2)276-292.
- A. Anne Barber Phillips & Timothy N. Odegard. 2017. Evaluating the impact of dyslexia laws on the identification of specific learning disability and dyslexia. *Annals of Dyslexia* volume 67:356–368.
- Bekri Rahim. Kesahan dan Kebolehpercayaan Instrumen Pemindahan Pembelajaranberdasarkan Pendekatan Model Rasch: Kajian Rintis.2014.Universiti Tun Hussein Onn.
- Berk, L. 2014. Development through lifespan. Edisi ke-6. United States of America: Pearson.
- Cai, Lei, Chen, Yuxia MPsy, Hu, Xiaoyun MMed,Guo, Yangfeng MPH, Zhao, Xiaoli MMed,Sun, Tao MMed, Wu, Yujia MMed,Li, XiuHong MD. 2020. *Journal of Developmental & Behavioral Pediatrics*. Volume 41 (3):203-211
- Carstensen, I. I. 2011. A long bright future: Happiness, Health and Financial Security in anage of Increased Longevity. New York: Broadway Books.
- Charlesworth, R. 2010. Understanding Child Development. 8th edition. Clifton Park,NY: Thomson Delmar Learning.
- Cunningham,J.2014. The Self Reference Effect on Memory in Early Childhood. *Journal of Society for Research in Child Develepoment*. 85(2):808-823
- Eckert, M. (2016). Neuroanatomical markers for dyslexia: a review of dyslexia structural imaging studies. *The Neuroscientist*, 10(4)362–371.

Elsje van Bergen Peter F. de Jong Anna Plakas Ben Maassen Aryan van der Leij. 2011. Child and parental literacy levels within families with a history of dyslexia. *Journal of Child Psychology and Psychiatry*.

Elsje van Bergen, Dorothy Bishop, Titia van Zuijen & Peter F. de Jong. 2015. *How Does Parental Reading Influence Children's Reading?* A Study of Cognitive Mediation. *Scientific Studies of Reading*, Volume 19:5

Helen Ross. 2019. Supporting a child with dyslexia: how parents/carers engage with school-based support for their children port for Dyslexia.

Hornstra, L., Denessen, E., Bakker, J., van B. L., & Voeten, M. 2010. Teacher attitudes toward dyslexia: effects on teacher expectations and the academic achievement of students with dyslexia. *Journal of Learning Disabilities*. 43: 515–529.

Isa, S. N. I., Aziz, A. A., Ab Rahman, A., Ibrahim, M. I., Ibrahim, W. P. W., Mohamad, N., & Van Rostenberghe, H. (2013). The impact of children with disabilities on parent health-related quality of life and family functioning in Kelantan and its associated factors. *Journal of Developmental & Behavioral Pediatrics*, 34(4): 262-268.

Tg. Iffah Tuan Yazid & See Soo Yin. 2015. Pemahaman Ibu bapa terhadap Masalah Disleksia : Jeli, Kelantan. Universiti Malaysia Kelantan.

Trevor,O. 2020. Understanding the Socio-Emotional Impact of Dyslexia in the Inclusive Classroom.19:315-324.